

23/07/2000

Keluarga persoal keikhlasan MIC dikesali

KUALA LUMPUR: Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berasa kesal kerana keluarga mendiang Sarjan S Segadevan yang terbunuh dalam kejadian di Sauk mempertikaikan keikhlasan parti itu dan masyarakat India untuk membantu mereka.

Beliau mengulas kenyataan S. Supramaniam, seorang sepupu Segadevan, yang dilaporkan berkata semua janji untuk memberi bantuan kepada keluarga itu akan luput mengikut masa dan mereka tidak akan memperoleh bantuan seperti yang dijanjikan.

Samy Vellu kesal kerana keluarga Sagadevan tidak menaruh kepercayaan kepada usaha yang dibuat oleh MIC dan pihak lain, dan keluarga berkenaan bertindak menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberikan senarai nama pihak-pihak yang telah berjanji untuk membantu keluarga itu.

Surat itu bertujuan meminta Perdana Menteri memantau semua bantuan itu disalurkan seperti yang dijanjikan.

Dr Mahathir melawat keluarga Sagadevan di Kuala Kangsar Khamis lalu.

(END)